

09/02/1998

Peristiwa 1987 patut dijadikan iktibar

JOHOR BAHRU, Ahad - Ahli Umno wajar menjadikan peristiwa 1987 sebagai iktibar dalam keghairahan merebut jawatan pada pemilihan peringkat bahagian Mac ini, kata Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pulau berkata, peristiwa itu menyebabkan Umno diharamkan adalah akibat wujudnya Team A dan Team B di kalangan ahli Umno.

"Oleh kerana ahli Umno sudah matang, sikap berpuak-puak atau wujudnya kumpulan sendiri seharusnya tidak berlaku kerana ia akan merugikan orang Melayu.

"Sesiapa saja yang memimpin Umno adalah sama kerana matlamatnya ialah dia berjuang untuk kepentingan agama, bangsa dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perjumpaan khas dengan pemimpin Umno peringkat cawangan dalam Bahagian Pulau di Dewan Umno Pulau, Tampoi, dekat sini, malam tadi.

Mohamed berkata, nasihat Presiden parti yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak ada pertandingan di peringkat bahagian wajar dipatuhi walaupun ia bukan satu arahan.

"Ia penting bagi menjaga keharmonian dan perpaduan parti di peringkat cawangan dan bahagian.

"Jika wujud pertandingan, ia mungkin berlaku perpecahan di kalangan ahli yang sekali gus boleh merugikan parti," katanya.

Mohamed berkata, jika seseorang itu masih boleh memimpin, ia wajar diberi sokongan oleh setiap ahli kerana Umno tidak pernah melarang ahlinya daripada bertanding merebut jawatan.

"Umno adalah sebuah parti yang mengamalkan demokrasi. Bagaimanapun, jalan yang terbaik bagi menjaga perpaduan dan keharmonian parti ialah dengan memberi laluan kepada pemimpin yang sedia ada," katanya.

Mengenai kegiatan menabung di kalangan rakyat, Mohamed berkata, Kementerian Penerangan akan melancarkan kempen Tabung Setia Negara, esok dan ia akan disiarkan secara langsung oleh TV Malaysia.

Beliau berkata, buat permulaan tabung itu akan diperkenalkan di kalangan pegawai dan kakitangan kementeriannya sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Menurutnya, sumbangan kepada tabung itu adalah secara sukarela dan perbincangan dengan pihak Perbendaharaan akan dilakukan bagi menjadikannya sebagai tabung amanah supaya memberi manfaat kepada penyumbangannya.

(END)